

Akaun Pelaburan Berjangka-i (TIA-i)

Kemaskini terakhir pada 23 Mei 2022

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PROMOSI

Terma-terma dan Syarat-syarat Akaun Pelaburan Berjangka-i oleh Hong Leong Islamic Bank Berhad ini (TIA-i) hendaklah dibaca bersama-sama Terma-terma & Syarat-syarat Am TIA-i dan mana-mana terma-terma dan syarat-syarat berkaitan yang dikenakan oleh Hong Leong Islamic Bank Berhad 200501009144 (686191-W) (“**HLISB**” atau “**Bank**”). Bank boleh mengenakan terma-terma dan syarat-syarat lain yang berkaitan di samping peraturan-peraturan lain pada bila-bila masa dengan pemberitahuan terlebih dahulu.

Terma-terma dan Syarat-syarat ini hanya terguna pakai bagi TIA-i iaitu Akaun Pelaburan Tidak Terhad (UA) yang membenarkan langganan dan pengeluaran dibuat secara atas talian melalui Perkhidmatan Perbankan Digital Hong Leong (“**HLB Connect**”).

“**Promosi 3-Bulan, 6-Bulan dan 12-Bulan TIA-i**” HLISB (“**Promosi**”) ini akan bermula dari 23 Mei 2022 dan berakhir pada 30 Jun 2022, termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“**Tempoh Promosi**”) atau mencapai sasaran promosi, yang mana terlebih dahulu, melainkan diberitahu sebaliknya.

Terma-terma & Syarat-syarat

Terma-terma dan syarat-syarat yang terguna pakai untuk Promosi (“**T&Cs**”) dijelaskan seperti berikut:

Kelayakan

1. Promosi ini terbuka kepada individu-individu dan perniagaan-perniagaan tunggal (“**Pelabur**”) yang merupakan pemegang akaun utama HLISB Akaun Semasa atau Simpanan-i (“**CASA-i**”) / Hong Leong Bank Berhad (“**HLBB**”) Akaun Semasa atau Simpanan (“**CASA**”). Pelabur hendaklah mendaftar terlebih dahulu dengan HLB Connect sebelum atau semasa Tempoh Promosi.
2. Pemegang Akaun Bersama CASA-i / CASA tidak boleh membuka atau mengendalikan TIA-i dan tidak dibenarkan untuk menyertai Promosi ini.
3. Promosi ini hanya untuk langganan baharu yang dibuat semasa Tempoh Promosi. Pelabur yang membuat pembaharuan pelaburan secara automatik semasa Tempoh Promosi tidak layak menyertai Promosi ini, melainkan Pelabur mengeluarkan pelaburan yang sedia ada dan membuat langganan baharu semasa Tempoh Promosi.
4. Pelabur yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang perbuatan penipuan, menyalahi undang-undang atau telah diisyiharkan sebagai bankrap atau terlibat dalam sebarang prosiding kebankrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi dilarang menyertai atau akan dilucutkan kelayakannya dengan serta-merta untuk Promosi ini.
5. Pelabur yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLISB / HLBB sebagai berpotensi untuk melakukan sebarang perbuatan salah yang dijelaskan dalam dokumen ini, akan dengan serta-merta dilucutkan kelayakannya untuk menyertai Promosi ini.

Kadar Indikatif Promosi untuk TIA-i & Langganan

Pelabur yang telah melanggan antara jumlah RM2,000 (Ringgit Malaysia Dua Ribu) dan RM5,000,000 (Ringgit Malaysia Lima Juta) untuk Tempoh 3 bulan, 6 bulan dan 12 bulan TIA-i semasa Tempoh Promosi layak untuk mendapatkan Kadar Indikatif Promosi seperti yang tertera di bawah;

Tempoh Promosi	Tempoh Pelaburan	Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR) Pelanggan:Bank	Kadar Indikatif Promosi	Amaun Langganan Minimum Dana TIA-i	Amaun Langganan Maksimum Dana TIA-i untuk setiap langganan
23/5/2022-30/06/2022	3 bulan	85:15	2.30% setahun.*	RM2,000	RM5,000,000
	6 bulan	85:15	2.40% setahun.*	RM2,000	RM5,000,000
	12 bulan	85:15	2.65% setahun.*	RM2,000	RM5,000,000

* Sekiranya terdapat perubahan dalam Kadar Dasar Semalam (OPR), kadar keuntungan yang dijangka untuk langganan baharu (selepas perubahan OPR) mungkin akan diubah semasa Tempoh Promosi.

Mekanisme Promosi

- Pembaharuan:** "Kadar Indikatif Promosi" ini hanya untuk langganan tempoh pelaburan tiga (3) bulan, enam (6) bulan dan dua belas (12) bulan TIA-i. Sebarang pembaharuan automatik selepas itu akan tertakluk kepada kadar indikatif biasa HLISB semasa pembaharuan dilakukan.
- Bagi Pelabur yang sedia ada mempunyai akaun CASA-i / CASA di HLISB / HLBB, langganan TIA-i boleh dilakukan melalui HLB Connect dari CASA-i / CASA. Pelabur yang tidak sedia ada mempunyai CASA-i / CASA bersama Bank dikehendaki untuk membuka akaun CASA-i dengan HLISB sebelum melanggan dalam TIA-i.

Hadiah Langganan Peserta Terawal
(Tempoh Hadiah hanya tersedia bagi langganan dari 18 April 2022 hingga 31 Mei 2022)

1. Pelanggan MESTILAH memenuhi semua kriteria yang dinyatakan dalam Jadual 1 ("Pelanggan Layak") untuk melayakkan diri menerima hadiah langganan.

Jadual 1

Kelayakan	Hadiah Langganan
Menjadi 700 pelanggan pertama melanggani dalam Promosi TIA-i dengan jumlah langganan sekurang-kurangnya RM10,000.00 hingga RM49,999.99 semasa tempoh hadiah Promosi.	Penyesuai dwi USB International travel (Putih)
Menjadi 146 pelanggan pertama melanggani dalam Promosi TIA-i dengan jumlah langganan sekurang-kurangnya RM50,000.00 hingga RM99,999.99 semasa tempoh hadiah Promosi.	Jam tangan pintar larian Honor band
Menjadi 200 pelanggan pertama melanggani dalam Promosi TIA-i dengan jumlah langganan sekurang-kurangnya RM100,000 hingga RM199, 999.99 semasa tempoh Promosi.	Pengisar Morphy Richards
Menjadi 5 pelanggan pertama melanggani dalam Promosi TIA-i dengan jumlah langganan sekurang-kurangnya RM200,000 ke atas semasa tempoh hadiah Promosi.	TV 50 inci Philips

- i. Hadiah langganan bergantung kepada ketersediaan stok, dihadkan satu (1) hadiah langganan bagi setiap Pelanggan Layak dan atas dasar siapa cepat dia dapat.
- ii. Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan Layak akan menerima hadiah dalam masa enam puluh (60) hari dari berakhirnya Tempoh Promosi.
- iii. Hadiah langganan akan dihantar kepada alamat berdaftar Pelanggan Layak yang tersimpan dalam sistem Bank.
- iv. Hadiah langganan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barang
- v. Bank tidak membuat sebarang representasi atau waranti mengenai kualiti atau kesesuaian hadiah langganan
- vi. Pemenang akan diberitahu oleh Bank sama ada melalui surat, panggilan telefon, Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS") atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank ("Pemberitahuan Pemenang") atas dasar usaha terbaik berpandukan nombor telefon atau alamat terkini mereka yang terakam dan terpapar dalam sistem dan/atau rekod Bank.

Am

1. Dengan menyertai Promosi ini, Pelabur bersetuju:
 - i. untuk mematuhi Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung;
 - ii. bahawa keputusan Bank dalam semua hal berkaitan Promosi ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif;
 - iii. untuk mengakses laman sesawang HLISB di www.hlisb.com.my/TIA-i dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat Promosi dan memastikan untuk mengambil tahu sebarang perubahan atau variasi terhadap Terma-terma dan Syarat-syarat.
2. HLISB berhak:
 - i. untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau mengubah Terma dan Syarat yang terkandung dalam dokumen ini, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, dengan memberitahu Pelabur terlebih dahulu. Bank akan memuat naikkan Terma dan Syarat yang telah dikemas kini di laman sesawang Bank, atau melalui mana-mana kaedah yang dianggap sesuai oleh Bank.
 - ii. untuk melucutkan kelayakan mana-mana Pelabur daripada menyertai Promosi ini disebabkan tidak mematuhi Terma dan Syarat yang terkandung dalam dokumen ini seperti mana yang dianggap munasabah oleh HLISB.
3. Semua Terma-terma & Syarat-syarat lain yang berkaitan dengan TIA-i akan terus terguna pakai melainkan disebut sebaliknya dalam Terma-terma & Syarat-syarat yang terkandung dalam dokumen ini.
4. Untuk melayakkan Pelabur mendapat Kadar Indikatif Promosi TIA-i, langganan TIA-i hendaklah dilakukan semasa Tempoh Promosi melalui HLB Connect.
5. Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelabur bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
6. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung dalam dokumen ini dan sebarang bahan pengiklan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau berhubung dengan Promosi ini, Pelabur hendaklah merujuk kepada Terma-Terma dan Syarat-syarat ini.
7. Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung ini dan Terma-terma dan Syarat-syarat Am TIA-i hendaklah dibaca bersama-sama sebagai satu perjanjian keseluruhan . Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung dalam dokumen ini dan Terma-terma dan Syarat-syarat Am TIA-i, Pelabur hendaklah merujuk kepada Terma dan Syarat ini yang hanya terguna pakai untuk Promosi ini.
8. Terma-terma dan Syarat-syarat Am yang diguna pakai untuk Promosi ini boleh didapatkan di www.hlisb.com.my/tia-i.
9. Perkataan yang merujuk kepada satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan perkataan yang menandakan tunggal merangkumi perkara yang bukan tunggal dan begitu juga sebaliknya.

PRODUK INI TIDAK DILINDUNGGI OLEH PIDM